

## **UNSUR SPIRIT CATAN ABDULLAH EHLID AL WALID DALAM KARYA HUMINODUN SPIRITS (KADAZANDUSUN)**

***ELEMENTS OF THE SPIRIT ABDULLAH EHLID AL WALID'S  
PAINTING IS IN THE ARTWORK OF HUMINODUN SPIRIT  
(KADAZANDUSUN)***

Musnin Misdih

Academy of Art and Creative Technology, Universiti Malaysia Sabah  
[Musninmisdih67@ums.edu.my](mailto:Musninmisdih67@ums.edu.my)

### **ABSTRACT**

*Huminodun Spirits (Kadazandusun) is an idea by Abdullah Ehliid Al Walid is artwork on the Sabah folklore of a Kadazandusun woman. The painter describes the narrative of the mythical story of the people of Sabah with his visual paintings. The work is edited by the painter based on his interpretation and expressed in visual art. This study was conducted is done qualitatively to interpret the real situation through the artwork of the artist. The main focuses of the study discuss the artistic and narrative elements of storytelling such as formalistic, beliefs in the character of Huminodon figures, and art criticism statements of visual art. The study also wants to unravel the Sabah Folklore that influences spirits that can be displayed in the work of artists. The results of the study can also provide an explanation of the delivery of emotions, feelings processed in a brushstroke, and the use of colour in the canvas of his work. Meanwhile, the narrative story is processed in a visual work through the movement of the spirit of the Huminodun figure. The implications of the study show that there is a relationship between the production of works using the application of formalistic aspects in the work and the cultural perspective. This includes messages conveyed through a philosophy of life, spirituality, social criticism, and self-interpretation in the form of experience or self-expression. Therefore, there are elements of the belief in the spirit of harvesting rice of this community that they inherited from time immemorial to the present. Thus, the painter can re-display in the form of visual art paintings.*

**Keywords:** *Element of spirits, belief, artwork of Huminodun Spirits(kadazandusun), formalistic elements, and art criticism.*

## ABSTRAK

Karya catan *Huminodun Spirits (kadazandusun)* adalah cetusan idea menerusi karya Abdullah Ehlid Al Walid tentang cerita rakyat Sabah seorang wanita kadazandusun. Pelukis mendiskripsikan pernyataan naratif cerita mitos rakyat Sabah dengan karya catan visualnya. Karya diolah oleh pelukis berdasarkan tafsirannya sendiri dan diekspresifkan dalam seni visual. Kajian ini dilakukan secara kualitatif untuk mentafsir keadaan yang sebenar menerusi pengkaryaan oleh pelukis. Fokus utama kajian membincangkan elemen seni dan naratif penceritaan seperti unsur formalistik, kepercayaan terhadap watak figura Huminodon dan pernyataan kritikan seni visual. Kajian juga ingin merungkai cerita rakyat Sabah yang mempunyai pengaruh spirit yang dapat dipaparkan dalam karya pelukis. Hasil kajian juga dapat memberi penjelasan terhadap penyampaian emosi, perasaan yang diolah dalam sapuan berus dan penggunaan warna dalam kanvas karyanya. Manakala, naratif cerita diolah dalam karya visual melalui pergerakan spirit figura Huminodun. Impilkasi kajian pula menunjukkan ada perkaitan antara penghasilan karya menerusi aplikasi aspek formalistik dalam pengkaryaan dan perspektif budaya. Ini termasuklah mesej yang disampaikan menerusi falsafah kehidupan, spiritual, kritikan sosial, dan interpretasi diri yang berbentuk pengalaman atau ekspresi diri. Justeru itu, terdapat unsur-unsur kepercayaan semangat menuai padi masyarakat ini yang mereka warisi sejak dahulu lagi hingga masa kini. Oleh yang demikian, pelukis dapat memaparkan semula dalam bentuk karya catan seni visual.

**Kata kunci:** unsur spirit, kepercayaan, karya *Huminodun Spirits (kadazandusun)*, elemen formalistik dan kritikan seni.

## Pengenalan

Kebudayaan (kesenian) yang memiliki hidup dan nilai spiritual dapat memberi makna kepada manusia. Justeru itu, perubahan yang bercirikan nilai-nilai tradisi dapat memaparkan nilai-nilai estetika yang baik (Musnin Misdihi: 2013:148). Menurut Mohd Johari Ab.Hamid (2008:161), memahami karya seni visual tidak kira apa bentuknya terletak kepada dua pendekatan utama iaitu bentuk dan isi (makna) atau '*form and content*'. Oleh yang

demikian, pelukis dapat memaparkan semula dalam bentuk karya catan seni visual.

Abdullah Ehlid Al Walid menyiapkan karya *Huminodon Spirits* (*kadazandusun*) untuk dipamerkan pada tahun 2014. Mesej karya yang dipaparkan menghubungkaitkan budaya dalam masyarakat *kadazandusun* terhadap semangat menuai padi. Manakala, dari aspek visual pula menjelaskan beberapa elemen ekspresif seni dalam karya catan khususnya mengenai naratif cerita rakyat sabah yang semakin popular diketahui oleh umum. Teknik sapuan berus dan media warna akrilik di atas kanvas mampu menjelaskan aspirasi penyampian emosi dan perasaan pelukis.

Aliran pengkaryaan yang digunakan oleh Abdullah Ehlid Al Walid seperti realisme, impresionisme dan futurism. Kombinasi aliran ini dapat menghasilkan karya catan berkaitan dengan cerita naratif *Huminodon Spirits* (*kadazandusun*). Pada dasarnya, Pemikiran audien diajak oleh pelukis untuk memahami karyanya terhadap kreativiti ekspresif menerusi sapuan berus warna, olahan warna akrilik dan terjemahan hal benda yang disampaikan. Ini menunjukkan bahawa terdapat keunikan idea-idea pelukis yang dapat digambarkan dalam karya seninya. Dalam hal ini audien secara tidak langsung bersama-sama memahami makna figura dan mesej yang disampaikan. Ini jelas dilihat apabila pelukis berjaya menyusun atur imej-imej yang dilukis secara bertindan-tindan. Pemilihan warna utama yang dipilih khas dalam pengkaryaan dapat memberi mood semangat yang bertenaga kepada perjuangan *Huminodon*. Oleh itu, timbul kesan sapuan berus warna yang pada dramatis karya yang lazimnya dihayati oleh audien.

## Latar Belakang

### Kepercayaan Terhadap *Huminodun*

Menurut kajian (Lee & Low, 2012), masyarakat *kadazandusun* mempercayai bahawa adanya semangat padi yang diperolehi menerusi cerita mitos kepercayaan kepada Tuhan *Kinoigan* (pencipta alam dan bumi) dan isterinya bernama *Suminundu* atau *Sumundu* masyarakat ini. *Kinoingan* dan isterinya mempunyai anak gadis yang mempunyai budibahasa dan tingkahlaku yang baik. Malahan memiliki rupa wajah yang cantik dan jelita. Justeru itu, fenomena bencana kemarau panjang berlaku di kampung mereka dan mengakibatkan tanah tanah menjadi kering kontang, tanaman yang tidak menjadi dan keperluan air bersih untuk makan dan minum yang

berkurangan. Hal ini menyebabkan beberapa penduduk kampung telah meninggal dunia kerana keadaan bumi alam yang kering kontang.

Penduduk kampung hidup dalam kelaparan pada masa itu. Hal ini menyentuh perasaan Kinongan dan sangat bersimpati terhadap situasi kehidupan mereka. Kinoingan mendapat ilham agar mengadakan upacara tradisi untuk mengorbankan nyawa seorang gadis muda dan cantik. Anak perempuan kesayangan mereka bernama Huminodon bersedia untuk dijadikan korban dalam upacara ini. Huminodun dengan seikhlas hati telah menyerahkan dirinya untuk dikorbankan. Hal demikian mendapat restu dan izin daripada orang tuanya iaitu pasangan Kinoingan dan isterinya. Menurut Hussian (2008,173-190), pasangan bahagia ini menyerahkan anak tunggal mereka untuk upacara ini. Upacara korban disempurnakan dengan baik dan mayat dikebumikan dengan penuh adat istiadat masyarakat mereka. Justeru itu, Kesan daripada pengorbanannya menjadi suatu simbol yang bernilai terhadap sumber ekonomi hasil daripada penanaman padi setiap tahun oleh masyarakat ini. Hal demikian kerana hasil tanaman padi dituai sepanjang tahun dan merupakan makanan utama penduduk tempatan. Seiring dengan perayaan tahunan Pesta Menuai padi telah dianjurkan pertandingan Unduk Ngadau seluruh Sabah. Unduk Ngadau adalah suatu penghormatan dan pengiktirafan tertinggi masyarakat ini.


## **Metod Kajian**

Kaedah kutipan data bagi penyelidikan ini berlandaskan kepada data sekunder dan primer sepanjang kajian dilaksanakan. Kajian yang dilakukan berorientasikan kaedah lapangan di dalam dan luar studio pelukis dengan menggunakan beberapa pendekatan kualitatif yang relevan dengan bahan kajian. Oleh itu, kajian tertumpu kepada unsur-unsur spirit yang dihasilkan dalam karya pelukis yang dipamerkan. Kajian ilmiah kepustakaan dilakukan bagi mendapatkan kesahsihan maklumat bahan yang dikaji sesuai digunakan dalam penyelidikan. Data-data dikumpul dengan mengambilkira pernyataan sebenar pengkaryaan, artikel jurnal, broser pameran seni visual, buku seni dan bidang antropologi dalam bidang kesenian dan cerita rakyat tempatan Sabah.

Pendekatan primer secara temubual dengan bahan yang dikaji dengan pelukis Abdullah Ehlid Al Walid bagi mendapatkan data yang tepat dan sebenar. Selain daripada itu dengan seorang pelukis Sabah yang serba tahu tahu tentang kritikan seni visual khususnya karya seni catan.

Analisis data dibuat dengan cara induktif supaya maklumat dapat disusun rapi semasa proses pengumpulan data. Fokus utama kajian membincangkan elemen seni dan naratif penceritaan seperti unsur formalistik, kepercayaan terhadap watak figura Huminodon dan pernyataan kritikan seni visual. Walau bagaimanapun kajian hanya terbatas kepada isu yang berkaitan dengan agama dan cara hidup keseluruhannya. Apa yang perlu dijelaskan adalah untuk merungkai cerita rakyat Sabah yang mempunyai pengaruh spirit yang dapat dipaparkan dalam karya pelukis.

#### Unsur Spirit Dalam Karya Hominodun Spirits



Sumber: Musnin Misdih

**Rajah 1: Model Kajian: Unsur Spirit Dalam Karya Hominodun *Spirits*, hubungannya dengan Cerita Naratif kepercayaan dan pernyataan Seni Visual.**


Terdapat 3 fasa kajian catan Huminodun *Spirits* yang berkonseptan ruang kajian spirit dalam pengkaryaan ini. Instrumen kajian tersebut lalah elemen formalistik, kepercayaan figura dalam karya dan pernyataan seni berdasarkan kritikan seni. Data-data dan dapatan kajian akan menghasilkan suatu representasi visual yang merupakan skop penting dalam rangkuman penyelidikan dalam disiplin pembelajaran seni visual.

Manakala, unsur spirit adalah kajian yang terpenting untuk menilai sejauhmana karya Abdullah Ehli Al Walid dapat mendeskripsikan pernyataan naratif cerita mitos dengan karya catan visual merangkumi

karyanya bertajuk *Hominodun Spirits*. Berdasarkan karya, analisis dilakukan bagi menjelaskan pernyataan seni dengan skop kajian menggunakan instrument kajian berdasarkan Modul kajian. Akhir sekali kajian ini dapat mengupas karya pernyataan seni dalam karya menerusi representasi visual audien dan pengalaman baru.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

#### ELEMEN SENI DAN ASPEK FORMALISTIK DALAM KARYA HUMINODUN SPIRITS (KADAZANDUSUN)



Sumber: Abdullah Ehlid Al Walid

Pelukis: Abdullah Ehlid Al Walid

Tajuk: *Huminodun Spirits (kadazandusun)*

Tahun: 2014

Saiz: 4 x 3 kaki

Bahan: Akrilik atas kanvas

Unsur seni adalah elemen asas yang sering kali digunakan oleh pelukis untuk menghasilkan karya seni visual (Johari Ab Hamid: 2006). Menurutnya lagi, jika setiap hasil karya seni visual yang dipaparkan secara keseluruhannya perlu difahami proses-proses penghasilan karyanya. Justeru itu, penggunaan unsur asas proses penghasilan karya seperti teknik garisan berlingkar, garisan kasar, garisan halus, garisan tebal, beralun dan berulang-ulang adalah menjadi keutamaan pelukis. Oleh itu pelukis boleh mengolah lakaran mengikut idea kreativitinya untuk menimbulkan watak-watak penting dalam memaparkan penghasilan karya naratif pengkaryaan.

Menurut informan<sup>1</sup>, Pengkarya menggunakan beberapa teknik seperti pergerakan sapuan berus dengan teliti disamping mendalami perasan dan emosi di sebalik naratif pengorbanan Huminodun. Kemahiran pelukis mengolah karya dan berjaya memaparkan suasana dramatik imej figura Huminodun dalam pengkaryaan. Imej figura Huminodun berpakaian baju tradisi kadazandusun mencerminkan kejelitaan rupa paras dan memiliki susuk tubuhnya yang menawan. Hal ini menggambarkan bahawa masyarakatnya pada zaman itu berpegang teguh kepada nilai budaya tempatan dan adab sopan santun yang mereka warisi lagi. Perkara ini diaplikasikan oleh pelukis kerana berkemahiran mempaparkan secara visual menerusi sapuan berus warna-warna utama yang dipilih khas untuk karya ini. Kesan visual karya ini akan melahirkan perasaan cintakan kepada warisan budaya tempatan terhadap pengorbanan dalam bentuk figura Huminodun menerusi pemilihan warna pakaian.

Ehlid Al Walid menggambarkan imej hasil karyanya bagi mewakili jiwa sebenar Huminodun seperti warna-warna mistik, bulan dan burung. Campuran warna diolah untuk menghasilkan adunan warna-warna ini yang ditafsirkannya sebagai menepati keperluan dan mesej untuk disampaikan kepada audien. Kreativiti menerusi sapuan berus akan dapat menghasilkan warna bagi menimbulkan perasaan kekaguman dan *spirit* karya. Dengan

<sup>1</sup> Abdullah Ehlid Al Walid. 29 tahun. Pelukis karya Huminodun Spirits (Kadazandusun). Laman Seni Kota Kinabalu. 16 November 2019.

demikian audien diajak bersama-sama untuk menyelami jiwa sebenar figura Huminondun dalam naratif penceritaan karya.

Ruang imej secara vertikal membentuk rupa bentuk secara bertindih-tindih. Imej vertikal adalah kaedah asas bagi pembentukan kedalaman ilusi. Hal ini memberikan kesan imej terhadap hasil karya dengan penggunaan saiz setiap imej yang dilakarkan. Menurut pelukis, imej yang dipaparkan adalah *transference* pada kewujudan karya sebenarnya. Ini berdasarkan representasi terhadap karyanya *Huminodun spirits (kadazandusun)*. Dalam skop lain, penjelasan yang sama dikemukakan oleh Freud (2004) bahawa sesuatu kepercayaan yang dipaparkan dalam seni visual adalah representasi kepada idea atau konsep yang lahir menerusi minda pengkarya. Oleh itu, garisan sapuan warna menjelaskan ilusi pergerakan dan emosi visual yang dipaparkan dalam karya. Hal ini akan membentuk *mood* kepada audien untuk menghayati mesej yang disampaikan oleh Ehlid Al-Walid.

Karya *Huminodun Spirits (kadazandusun)* menggunakan teknik pergerakan arah garisan yang dirancang rapi pelukis dengan cara pengamatannya tersendiri. Tumpuannya terhadap jenis-jenis garisan untuk membentuk imej dan rupa lukisan. Namun begitu, karya ini dipengaruhi karya pelukis Giacomo Balla bertajuk *Dynamis of Dog on a Leash* (1912) dalam Hassan Mohd Ghazali (2012: 172). Media cat minyak atas kanvas. Pelukis dari Itali ini menggunakan gambar bersiri untuk mengesan pergerakan garisan. Oleh itu, Abdullah Ehlid Al Walid berpendapat bahawa idea barunya dapat mengolah pergerakan berdasarkan olahan pelbagai jenis garisan. Kesan garisan dapat menimbulkan suasana *spirits* seperti pergerakan figura Huminodun. Menurut informan<sup>2</sup>, Penggunaan garisan-garisan beralun pada rambut imej menghasilkan pergerakan. Manakala, Penggunaan warna kuning dan merah yang tergolong dalam skema warna panas diolah pada latar belakang karya menjadi kontra dengan pengunaan warna hitam dan menjadi tumpuan mata penghayatinya. Rupa figura pula diolah berulang dan bertindih dalam karya juga menghasilkan pergerakan.

Pelukis melakarkan garisan secara berulang-ulang bagi membentuk rupa imej yang pelbagai terhadap subjek utama karya. Kesan dan warna pada garisan ini akan memberi ilusi pergerakan yang menarik. Imej figura manusia sekali imbas seperti hidup wataknya. Paparan visual dapat dihayati menerusi objek pergerakan figura. Garisan-garisan yang dibentuk menggambarkan pergerakan imej figura Hominodun mendonggak ke langit

---

<sup>2</sup> Rohasmezan Hisham. 46 tahun. Pelukis Sabah dan Guru Seni Visual, SMK Pitas Sabah. 10 Januari 2020.

dengan tangannya memegang sebatang padi yang berbuah masak. Oleh itu, terdapat garisan sangat halus pada bahagian bayang bayang figura subjek. Begitu juga di bahagian garisan beralun pada corak baju dan rambut. Teknik penggunaan garis *curl* yang diulang seperti yang dipaparkan seolah olah kelihatan seperti nasi. Pelukis juga menghasilkan beberapa bentuk rupa organik yang digambarkan melalui aksesori pakaian tradisi kadazandusun. Secara keseluruhannya garisan digunakan sebagai mewakili unsur *spirits* yang wujud dalam representasi pengkaryaan Abdullah Ehlid Al Walid.

Sapuan berus dan warna kanvas karya Abdullah Ehlid Al Walid dapat memaparkan nilai spirit bagi mewakili budaya masyarakatnya. Oleh itu, pengetahuan dan kemahiran memilih campuran warna adalah unsur terpenting dalam pengkaryaan yang bertemakan kepercayaan budaya dalam masyarakat tempatan. Hal ini mendorong pelukis untuk menggunakan warna-warna panas seperti warna merah, jingga dan kuning bagi menjelaskan sifat keberanian Huminodun terhadap semangat padi kaumnya. Manakala warna hitam berlatar belakang karya bagi menggambarkan kepercayaan terutama sekali masyarakat kadazandusun di Sabah.

Berdasarkan tafsiran karya pelukis, sapuan warna yang terang dan cerah menimbulkan *mood* riang dan gembira. Begitu juga, tanggapan ini menyatakan bahawa warna yang gelap dan kelam akan menimbulkan perasaan takut audien, khayalan dan juga boleh memberi kesan spirit dalam jiwa iaitu keberanian melawan rasa ketakutan. Hal ini memang disengajakan oleh pelukis bagi melahirkan suasana konflik imaginasi terhadap cara mengapresiasi karyanya yang bersifat pro dan kontra dalam kotak pemikiran audien. Justeru itu, Pelukis seolah-olah mengajak minda audien untuk berfikir sejenak terhadap apakah yang berlaku pada hari kejadian peristiwa itu menerusi karyanya.

Paparan imej visual juga dapat dilihat pada leher figura yang di kelar-kelar. Imej itu jelas menampakkan kesan luka pada imej figura yang pertama. Hal ini dapat dirujuk daripada enam imej figura yang memiliki watak yang sama dalam paparan visual karyanya. Teknik campuran warna primer, sekunder dan tertier pada kain kanvas karya dapat menimbulkan nilai warna seperti ton, kroma dan neutral. Penggunaan warna seperti ini telah disusunatur mengikut kesesuaian dan idea kreatif pelukis. Penjiwaan pelukis terhadap watak utama pengorbanan figura Huminodun dalam karya ini berjaya mengadunkan campuran warna bagi menghasilkan *mood*, idea yang simbolik dan emosi audien. Selain itu, karya ini dapat memberi kesan yang mendalam untuk dihayati disebalik mesej yang disampaikan dalam

masyarakat ini. Oleh itu, terdapat beberapa warna yang disapukan mempunyai makna yang tersendiri terhadap unsur *spirit, mood* yang ceria dan bertenaga dalam karya pelukis.

Imej figura yang dipaparkan secara separa realistik oleh Abdullah Ehlid Al Walid mampu memberi situasi perasaan kekaguman terhadap karya. Pelukis menghasilkan karya catan visual ini dengan menggabungkan beberapa idea seperti menerusi aliran realisme, impresionisme dan futurisme terhadap sapuan warna dan garisan pada hasil karyanya. Idea karya ini juga dapat menggambarkan suatu pengorbanan diri figura demi kepentingan kaumnya sehingga menghasilkan unsur-unsur kepercayaan dalam masyarakatnya bahawa padi dan tumbuhan-tumbuhan yang diperolehi adalah daripada semangat Huminodun.

## Kesimpulan

Catan Abdullah Ehlid Al Walid berjaya memaparkan hasil karya yang berunsurkan kepercayaan masyarakat tempatan Sabah terhadap *spirit* Huminodun khususnya kepada masyarakat kadazandusun. Mesej disampai berdasarkan representasi cerita rakyat, kemahiran pelukis mengolah imej dengan sapuan berus warna yang teliti dan paparan dramatik. Hal ini dapat dilihat seperti dalam pergerakan garisan yang diolah dengan kemas sehingga mencerminkan suatu cerita naratif yang bertenaga untuk dirasai dan difahami oleh audien. Secara amnya, ia cukup bermakna sebagai lambang identiti budaya yang disampaikan secara visual seperti mesej dalam pernyataan sosial, spiritual, falsafah dan interpretasi diri yang berbentuk pengalaman atau ekspresi diri. Oleh itu, Penghasilan karya ini memberi gambaran kepada pengkritik seni visual khasnya bahawa nilai kebudayaan tempatan adalah subjek penting dalam penghasilan karya khususnya berdasarkan kepercayaan dan kesenian yang terdapat di Sabah.

## Rujukan

Frederick Antal. (1966). *Classicism in Art; Romanticism in Art: Historiography*. New York: Basic Book.

Hassan Mohd Ghazali. (2012). *Seni Visual*. Tanjung Malim: Citra Grafik.

Hussin, H. (2008). *Performing Rice Farming Rituals by Penampang Kadazan of East Malaysia: Between Sacred Ritual and Secular Performance.* JATI: Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Jilid 13, 173-190.

Low, K.O., & Lee, Y.F. (2012). *Investigating the relationship between Kadazandusun beliefs about paddy spirits, riddling in harvest-time and paddy-related sundait.* MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, Jilid 13. 65-93.

Mohd Johari Ab. Hamid. (2006). *Asas Seni Visual.* Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Johari Ab. Hamid. (2008). *Apresiasi & Kritikan Seni Visual.* Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Musnin Misdihi. (2013). *Budaya tari Bubu Mengalai-Media konvensional dan pembentukan tari masyarakat Bisaya di Beaufort Sabah.* TENIAT Jurnal Antarabangsa ‘Creative Futures’ dan Warisan. Kota Baharu: Universiti Malaysia Kelantan.

Sigmund Freud. (2004). *The Future of an Illusion.* London: Penguin Group.

## Informan

Abdullah Ehlid Al Walid. 29 tahun. Pelukis karya Huminodun Spirits (Kadazandusun). Laman Seni, Kota Kinabalu. 16 November 2019.

Rohasmezan Hisham. 46 tahun. Pelukis Sabah dan Guru Seni Visual, SMK Pitas Sabah. 10 Januari 2020.